

19/11/1997

Terbuka Vietnam semarak Soon Kit-Kim Hock

Norbakti Alias

KETIKA kedudukan mereka ke pusingan akhir badminton Grand Prix (GP) Dunia masih terumbang-ambing, Cheah Soon Kit-Yap Kim Hock beroleh sedikit `bantuan' untuk mendapatkan tiket mereka.

Pengiktirafan menjadi beregu pilihan bersama ke-3/4 di Terbuka Vietnam yang bermula hari ini, sedikit sebanyak memudahkan tugas Soon Kit-Kim Hock dalam usaha mencari mata penting untuk melayakkan diri ke GP yang diadakan di Jakarta dari 10 hingga 14 Disember ini.

Selepas ranking dunia mereka minggu ini dijangka tidak jauh berubah sesudah gagal menyerlah di Terbuka Thailand minggu lalu, inilah pentas terakhir bagi pasangan elit negara ini menempatkan diri dalam kelompok lapan beregu terbaik dunia, tahap minimum yang ditetapkan untuk ke pusingan akhir itu.

Penyingkiran seawal pusingan ketiga di Terbuka Thailand pasti tidak banyak membantu memperbaiki ranking ke-13 dunia mereka, kedudukan yang terpaksa ditempuhi pasangan ini selepas kali terakhir bermain bersama di perlawanan akhir Kejohanan Dunia di Glasgow, Mei lalu.

Pertandingan di Bangkok minggu lalu menggandingkan pasangan ini semula sesudah Kim Hock pulih daripada pembedahan bahu kiri yang dijalaninya pada awal Julai lalu.

Kini, segalanya berada di tangan pasangan negara. Namun `bantuan' yang tiba tepat pada masanya, belum tentu menjamin kemaraan Soon Kit-Kim Hock kecuali disulami persembahan terbaik mereka.

Selepas menerima bye pusingan pertama, Soon Kit-Kim Hock akan membuka kempen mereka menentang pasangan Singapura, Patrick Lau-Zhao Jianhua diikuti Jesper Larsen-Martin Lundgaard pada suku akhir sebelum bekas juara dunia, Ricky Subagja-Rexy Mainaky yang juga pilihan kedua, menunggu di separuh akhir.

Peserta tunggal negara dalam acara perseorangan, Mahathir Mustafa pula akan menentang Surachai Panpachara dari Thailand di pusingan pertama manakala pemain England, Mark Constable menunggu di pusingan kedua.

Senarai pilihan: Perseorangan lelaki - 1 Hermawan Susanto, 2 Luo Yigang, 3/4 Ardy Wiranata, Alan Budi Kusuma, 5/8 Kenneth Jonassen, Chen Gang, Ander Possen, Henrik Bengston. Beregu lelaki - 1 Lee Dong Soo-Yoo Yong Sung, 2 Ricky Subagja-Rexy Mainaky, 3/4 Ge Cheng-Tao Xiaoqiang, Cheah Soon Kit-Yap Kim Hock.

(END)